

# Mahathir nafi berita akhbar

MM 24 APRIL 1977

KUALA LUMPUR 23 April — Timbalan Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad menafikan berita tunggakan gaji baru kakitangan kerajaan akan dibayar beransur-ansur lima kali yang dilaporkan oleh akhbar-akhbar tempatan hari ini.

"Laporan ini tidak berasas dan tidak benar," katanya kepada para pemberita selepas menerima kunjungan Menteri Luar Australia, Encik Andrew Peacock, di pejabatnya hari ini.

Beliau menjelaskan, setakat ini kerajaan belum lagi membuat sebarang keputusan kerana ia masih menunggu laporan dari Jawatan Kuasa Khas Perbendaharaan yang ditu-

buhkan untuk mengkaji cara pembayaran tunggakan gaji.

Bagaimanapun, tambahnya, keputusan ini akan dibuat sebelum bulan Julai ini.

Beliau berharap pihak akhbar-akhbar itu (bukan Utusan) tidak lagi membuat spekulasi seperti itu kerana 'ia hanya akan menghampakan harapan kakitangan awam'.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Jawatan Kuasa Kabinet mengenai skim gaji baru memberi jaminan bahawa semua anomali di bawah skim itu akan dibetulkan.

Mereka yang memerlukan penjelasan boleh menghubungi bilik gerakan khas di Jabatan Perkhidmatan Awam.

Mengenai Suruhanjaya Ibrahim Ali, beliau berkata suruhanjaya tersebut masih lagi menjalankan tugas dan kerajaan sedang mengkaji semula kedudukannya.

Beliau berkata kerajaan sedang dalam proses menubuhkan sebuah badan bebas dengan kuasa perundangan bagi mengkaji soal perundangan dan tuntutan gaji pada masa depan.

Menyentuh tentang simpanan beras, Dr. Mahathir berkata kerajaan telah mengambil keputusan hendak menambahkan simpanan tersebut memandangkan musim kemarau di beberapa kawasan pengeluaran padi sekarang.

Bagaimanapun beliau tidak mengumumkan bentuk simpanan tersebut.

Terdahulunya beliau telah mempengerusikan mesyuarat mengenai bahan-bahan perlu, di mana masalah kemarau yang mengancam tanaman padi di utara telah dibincangkan.

Dr. Mahathir berkata, beliau telah diberitahu oleh pegawai-pegawai Jabatan Kajiucua di mesyuarat tersebut tentang kemungkinan

membuat hujan tiruan di kawasan yang mengalami keadaan kemarau itu.

Katanya sebuah jawatankuasa sementara dipengerusikan oleh Pengerusi MADA, Datuk Syed Nahar Shahabuddin telah ditubuhkan bagi mengkaji kemungkinan menembak bahan kimia ke dalam awam di kawasan-kawasan kemarau di skim Muda.

"Jawatankuasa tersebut mengandungi wakil-wakil dari Kementerian Pertahanan, Jabatan Kaji Cuaca, Universiti Malaya dan Jabatan Pertanian.

Menyentuh tentang rundingannya dengan Encik Peacock, Dr. Mahathir berkata mereka telah membincangkan banyak perkara dan masalah bersama yang dihadapi oleh kedua-dua buah negara.

Perkara yang dibincangkan termasuk masalah penuntut Malaysia dan penghijrah-penghijrah.

Beliau berkata persetujuan telah dicapai bagi membenarkan Kementerian Pelajaran kedua-dua buah negara mengkaji dengan selengkapnya tentang pemilihan penuntut Malaysia yang hendak belajar di Australia.

Katanya beliau juga telah membincangkan kontrak gula secara jangka panjang dengan

Australia. Beliau berkata rundingan mengenai kontrak sekarang akan dilakukan secara langsung dengan Lembaga Gula Queensland.

Mengenai ijazah perubatan Malaysia yang tidak diiktiraf di Australia, Dr. Mahathir berkata soalnya bukan tidak diiktiraf tetapi graduan perubatan dari Universiti Malaya tidak boleh mendaftarkan diri di sana.

Beliau gembira yang graduan tempatan tidak didaftarkan di sana kerana ini akan menolong menghalang mereka dari berhijrah ke Australia.

Sebelum itu, Encik Peacock telah mengunjungi Menteri Penerangan, Datuk Amar Haji Taib Mahmud di pejabatnya.